

## **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL**  
**TARIKH : 22.11.2016**  
**SOALAN : NO.16**

**Dr. Azman Bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada benar kekangan kewangan telah menyebabkan ramai pensyarah-pensyarah kanan dari luar negara yang berkhidmat di IPTA telah ditamatkan kontrak mereka. Jika benar, apakah langkah-langkah pembaikan yang telah diambil untuk mengelakkan masalah ini daripada memberikan kesan negatif kepada mutu latihan di IPTA tempatan.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Awam (UA) merupakan sebuah badan berkanun yang telah diberi mandat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk melantik sendiri mana-mana pegawai yang difikirkan sesuai dengan keperluan UA seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 11 Jadual Pertama Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) [Akta 30].

Pelantikan atau penamatan pensyarah universiti dan profesor universiti warganegara Malaysia atau dari luar negara adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Pengarah Universiti dan pihak pengurusan UA itu sendiri selaku Pihak Berkuasa Melantik serta Ketua Perkhidmatan bagi pegawai-pegawai lantikan dalam sesebuah universiti.

Pensyarah-pensyarah ini dilantik secara kontrak bagi mengisi kekosongan dan keperluan kepakaran yang tidak terdapat di UA terbabit bagi tempoh tertentu. Kontrak tersebut akan tamat apabila cukup tempohnya dan UA mempunyai pilihan untuk menyambung atau tidak kontrak tersebut berdasarkan keperluan semasa selagimana tidak menjejaskan prestasi akademik UA terbabit. Oleh itu persoalan berhubung dengan kekangan kewangan adalah tidak berbangkit.